Bersatu Penampang sokong alternatif kepada Empangan Papar

DE 23.11.2019 2

PENAMPANG: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Penampang menyokong gesaan-gesaan untuk Kerajaan Negeri memilih alternatif kepada cadangan Empangan Papar.

Ketuanya, Senator Datuk John Ambrose mengatakan bahawa terdapat banyak cara lain untuk mengatasi kekurangan air di negeri ini, terutama penyelesaian yang tidak memberi impak pada alam sekitar.

"Saya menyeru Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan pilihan lain bagi menangani masalah kekurangan air termasuk menyelesaikan isu air bukan-hasil daripada kebocoran dan kecurian serta pembinaan lebih banyak takungan air dan sistem tadahan air semula jadi.

"Biarpun Kerajaan Negeri bertegas untuk membina empangan, mereka harus mendengar nasihat Dr Felix Tongkul dan membina empangan pesisir atau di mana taburan hujan minimum seperti di daerah Kudat di wilayah utara Sabah," katanya.

Ambrose merujuk kepada satu laporan berita yang diterbitkan pada 12 November 2019, menyatakan kebimbangan Prof Dr Felix Tongkul dari Pusat Penyelidikan Bencana Alam Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengenai cadangan pembinaan empangan itu semasa menyampaikan kertas itu; "Papar Dam Case: Some Serious Concerns and Alternatives for Future Water Supply in West Coast Sabah" pada "Dialog Inklusif antara Pemegang Kepentingan mengenai Pembangunan Infrastruktur di Sabah untuk Rancangan Malaysia ke-12".

"Saya fikir Kerajaan Negeri benar-benar perlu mempertimbangkan apa yang dinyatakan Prof Tongkul dalam laporan itu kerana ini adalah hasil penyelidikan saintifik, penyelidikan dan kajian kes di empangan lain yang dibina pada masa lalu.

"Pembinaan empangan seperti itu akan memberi banyak implikasi negatif terhadap alam semula jadi, kehidupan masyarakat kita dan juga pemeliharaan warisan bangsa kita di kawasan tersebut.

"Ini bukan sahaja mengenai soal membelanjakan berjuta-juta wang rakyat, tetapi juga pemeliharaan tanah dan warisan kita," kata Ambrose dalam satu kenyataan di sini, Khamis lepas.

Menurut Tongkul semasa pembentangannya, antara implikasi negatif pembinaan Empangan Papar termasuk gempa bumi yang disebabkan oleh tekanan air yang tinggi terhadap kerak bumi.

Beliau berkata lokasi empangan yang dicadangkan itu menerima sebahagian taburan hujan tertinggi di Sabah, kira-kira 3,000mm setahun dan tidak memerlukan empangan.

"Air tambahan yang dibendung boleh menyebabkan gempa bumi mikro. Empangan mengubah ekosistem, sehingga mempengaruhi sistem fizikal, kimia dan biologi. Gempa bumi sedia ada di sekitar kawasan cadangan Empangan Papar juga menambah risiko kepada keselamatan empangan," katanya.

Beliau berpendapat bahawa empangan perlu mengikuti piawaian alam sekitar dan sosioekonomi yang jauh lebih mendalam berbanding sebelum ini.

Tongkul berkata alternatif kepada Empangan Papar termasuk takungan simpanan baharu, sebagai penyelesaian lebih murah dan praktikal serta kurang memudaratkan persekitaran dan masyarakat.

"Seperti projek muka sauk Telibong, ia adalah alternatif yang lebih mampan terhadap Empangan Papar. Takungan simpanan yang sesuai harus dikenalpasti, dikhaskan dan dilindungi untuk keperluan masa depan.

"Tadahan Air Sungai Papar adalah antara yang paling baik di Pantai Barat Sabah. Ia harus dikekalkan seperti sedia ada supaya ia dapat menyediakan bekalan air berterusan untuk tahun-tahun yang akan datang. Sungai itu harus terus mengalir tanpa halangan," kata Tongkul.

"Takungan tidak akan menjejaskan biodiversiti dan warisan semula jadi di Ulu Papar dan akan mengekalkan aliran semula jadi Sungai Papar tanpa dihalang oleh empangan."